



## JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia yang berkelayakan serta berumur 18 tahun ke atas. Keutamaan diberi kepada Rakyat Negeri Pahang untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Pusat Kutipan Zakat Pahang:-

### 1. PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT ( KONTRAK – 2 KEKOSONGAN )

#### Syarat Kelayakan

- i. Memiliki Sijil atau Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- ii. Mendapat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iii. Calon perlu memiliki kemahiran dalam bidang pengaturcaraan komputer melibatkan kemahiran dalam pengaturcaraan bagi web dan aplikasi seperti; ASP.Net, PHP dan HTML, pangkalan data MySQL atau MS-SQL, CMS seperti Wordpress, Joomla dan lain-lain. Mengetahui berkenaan penggunaan sourcecontrol seperti Github dan lain-lain. Berupaya untuk menghasilkan reka letak dan aplikasi web. Mempunyai pengalaman dalam pelbagai bentuk Media sosial (Facebook, Instagram, Twitter, Youtube dan lain-lain).
- iv. Bertanggungjawab dalam membangun program baru untuk sesuatu sistem guna komputer, mengembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, menyelenggara sistem dan memberi latihan serta bantuan teknikal kepada warga PKZ / Wakaf Pahang.

Gaji yang ditawarkan adalah berdasarkan kelayakan dan pengalaman tertakluk kepada Skim Perkhidmatan PKZ Pahang.

Cara memohon

- i. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh didapati di pejabat PKZ Pahang yang berhampiran atau dicetak dari laman web [www.zakatpahang.my](http://www.zakatpahang.my)
- ii. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan resume, sekeping gambar ukuran paspot, salinan kad pengenalan pemohon, sijil lahir pemohon, ibu dan bapa, sijil-sijil kelayakan akademik dan lain-lain dokumen yang berkaitan yang diakui sah kepada alamat berikut:

Pengurus Besar Kanan  
Ibu Pejabat Pusat Kutipan Zakat Pahang  
No.111A, Tingkat 1, Bangunan MUIP,  
Jalan Mahkota,  
25000 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

- iii. Sila tulis nama jawatan yang dimohon pada sebelah kiri sampul surat.

#### Perhatian

- (i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk di temuduga:
- (ii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (1) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**Tarikh Tutup Permohonan Ini Adalah Pada 15 Mei 2021**